

ANALISIS KEJAYAAN PELAJAR TAHFIZ ARUS PERDANA DALAM MAJLIS TILAWAH DAN HAFAZAN AL-QURAN: FAKTOR DAN CABARAN

Oleh:

Kamarul Irfan bin Kamarul Arifin¹

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor dan cabaran yang mempengaruhi pelajar tahfiz arus perdana dari Sekolah Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Ulul Albab, Majlis Amanah Rakyat (MARA) dalam Majlis Tilawah dan Hafazan al-Quran (MTHQ) di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah secara kualitatif melalui temu bual bersama enam responden yang mempunyai pencapaian yang memberangsangkan dalam Majlis Hafazan al-Quran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor guru tasmik, penyertaan dalam akademi al-Quran dan inspirasi daripada rakan-rakan memainkan peranan penting dalam mendorong pelajar menyertai Majlis Hafazan al-Quran. Responden menunjukkan pengurusan masa yang efektif, disiplin yang tinggi dan sanggup mengorbankan waktu lapang mereka demi mencapai sasaran pengulangan hafazan yang mereka tetapkan. Namun, mereka juga menghadapi cabaran seperti kehilangan motivasi, futur iaitu keazaman yang reda setelah bersemangat dan aktif, gangguan gajet, penurunan semangat selepas mengkhatamkan hafazan, gangguan mental

¹ Pelajar Pensijilan Tahfiz JAKIM-IIUM, Darul Quran JAKIM.

dan emosi dalam mengekalkan momentum semasa mengulang hafazan. Tuntasnya, sokongan berterusan daripada institusi pendidikan, guru dan rakan-rakan adalah penting untuk membantu pelajar mengekalkan motivasi dan disiplin mereka. Kajian ini sekaligus membuktikan keberkesanan Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA), Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) KPM dan Sistem Pendidikan MRSM (SPMRSM) Ulul Albab MARA dalam melahirkan pelajar tahfiz yang cemerlang dalam bidang hafazan al-Quran dan akademik. Aplikasi kajian ini boleh digunakan oleh institusi pendidikan tahfiz untuk memahami dan menangani cabaran yang dihadapi oleh pelajar, serta memperbaiki strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP). Sumbangan kajian ini adalah untuk memberikan pandangan yang mendalam tentang faktor kejayaan dan cabaran pelajar tahfiz arus perdana dalam Majlis Tilawah dan Hafazan al-Quran, yang boleh digunakan untuk meningkatkan kualiti pendidikan tahfiz di Malaysia.

Kata Kunci: *Pelajar Tahfiz, arus perdana, Majlis Hafazan al-Quran, faktor dan cabaran*

1.0 PENDAHULUAN

Majlis Hafazan al-Quran adalah sebahagian dari Majlis Tilawah dan Hafazan al-Quran (MTHQ). Ia merupakan satu platform yang penting bagi memberi galakan kepada para huffaz untuk sentiasa meningkatkan kualiti hafazan mereka dari semasa ke semasa. Sehingga kini, banyak pihak yang telah menganjurkan Majlis Hafazan al-Quran bukan sahaja di peringkat Kerajaan Negeri dan Persekutuan, bahkan terdapat juga pihak swasta yang menganjurkan Majlis Hafazan al-Quran seperti Yayasan

Pendidikan ITQAN², Management & Science University (MSU)³ dan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)⁴. Sehingga kini, terdapat sebilangan besar pelajar tahfiz arus perdana iaitu dari Sekolah Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Ulul Albab Majlis Amanah Rakyat (MARA) telah mengambil bahagian dan mendapat pencapaian yang memberangsangkan dalam Majlis Hafazan al-Quran.

Pelajar tahfiz arus perdana yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah pelajar yang menjalani program hafazan al-Quran dan dalam masa yang sama mereka mengambil Kurikulum Standard Sekolah Menengah sama seperti pelajar sekolah peringkat menengah di bawah kelolaan KPM dan MARA. Dalam kajian ini, kompetensi pelajar tahfiz arus perdana boleh diukur dan dinilai secara efektif berdasarkan metode dan pelaksanaan kajian yang akan dibahaskan kelak.

2.0 SEJARAH MAJLIS TILAWAH DAN HAFAZAN AL-QURAN

Program Tahfiz al-Quran bermula apabila wujudnya Kelas Pengajian Menghafaz al-Quran dan Ilmu Qiraat di Masjid Negara, Kuala Lumpur pada 1 Mac 1966. Aktiviti ini lahir atas ilham dan kehendak Perdana Menteri Malaysia yang pertama YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Semasa Majlis Perasmian Masjid Negara pada 27 Ogos 1965, YTM Tunku telah mencadangkan

²Yayasan Pendidikan ITQAN, Pertandingan al-Quran, <https://itqanalquran.org/ms/quranic-contests>

³Management & Science University, MSU Quranic League 2024, [https://www.msu.edu.my/MSUexps/April2024 Quranic-League-by-Centre-for-Fundamental-Studies](https://www.msu.edu.my/MSUexps/April2024%20Quranic-League-by-Centre-for-Fundamental-Studies)

⁴Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 19 Orang Pelajar DQ Sertai Ihtifal IPT Peringkat Kebangsaan Anjuran UNITEN, <https://www.islam.gov.my/en/berita/4019-19-orang-pelajar-dq-sertai-ihftal-ipt-peringkat-kebangsaan-anjuran-uniten>, 7 Disember 2023

agar sebuah Institut Pengajian al-Quran diwujudkan. Idea ini timbul sebagai kesinambungan program Musabaqah al-Quran Peringkat Antarabangsa yang diadakan semenjak tahun 1960 serta cadangan daripada Rektor Universiti al-Azhar, Sheikh Mahmud Syaltut.⁵

Pada tahun 1979, Kerajaan Malaysia menganjurkan Majlis Menghafaz al-Quran Peringkat Kebangsaan buat pertama kali. Urusetia bagi majlis ini ialah Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS). Pelaksanaannya dikelolakan oleh Jawatankuasa Induk Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan. Ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman umat Islam mengenai kaedah menghafaz al-Quran dengan baik dan mendalami serta menghayati pengajaran yang terkandung dalam al-Quran. Majlis ini juga bermatlamat untuk membentuk kecenderungan generasi muda supaya cintakan al-Quran. Bermula tahun 2016, majlis ini diadakan secara berasingan dari Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan.

Tahun 2017 menyaksikan sejarah dicipta buat julung kalinya apabila Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Majlis Menghafaz al-Quran Peringkat Kebangsaan dilaksanakan secara serentak dan dikenali sebagai Majlis Tilawah dan Menghafaz al-Quran Peringkat Kebangsaan (MTHQK). Negeri Melaka amat bertuah kerana terpilih menjadi tuan rumah bagi penganjuran julung kali MTHQK bagi tahun 1438H/2017M dengan menjadikan Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh, Melaka sebagai tempat penganjuran yang berprestij tinggi.

Penganjuran MTHQK 1438H / 2017M merupakan Kerjasama Strategi Lautan Biru (NBOS) di antara Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kerajaan Negeri Melaka dan beberapa jabatan/agensi kerajaan di peringkat persekutuan dan

⁵Jabatan Kemajuan islam Malaysia. 2016, Sambutan Jubli Emas Darul Quran, h. 18.

negeri. Jaringan kerjasama ini membuktikan komitmen Kerajaan dalam menerapkan budaya minat membaca al-Quran dan memahami intipatinya, seterusnya menjadi rujukan dalam segenap aspek kehidupan.⁶

3.0 PENYATAAN MASALAH

Proses pengulangan hafazan al-Quran memerlukan konsentrasi dan masa yang mencukupi. Para pelajar tahfiz arus perdana menghadapi beberapa kekangan dan cabaran dalam membuat persediaan sebelum tiba hari giliran mereka memperdengarkan hafazan. Antara cabaran yang paling signifikan ialah pembahagian masa yang bersesuaian antara pembelajaran akademik dan hafazan al-Quran dalam rutin harian mereka. Selain itu, mereka juga mempunyai beberapa faktor samada luaran atau dalaman yang mempengaruhi kejayaan mereka dalam Majlis Hafazan al-Quran secara khususnya.

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor dan cabaran yang mempengaruhi pelajar tahfiz aliran perdana dalam Majlis Hafazan al-Quran di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa di sebalik kejayaan dan pencapaian mereka yang begitu memberangsangkan dalam majlis tersebut. Selain itu, kajian ini juga akan dapat membuktikan keberkesanan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) KPM dan Sistem Pendidikan MRSM (SPMRSM) Ulul Albab MARA.

⁶ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Sejarah Pertandingan MTHQK, <https://mthqk.islam.gov.my/sejarah>

5.0 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian yang digunakan ialah pendekatan kualitatif melalui temu bual bagi mendapatkan data secara langsung. Individu yang di temu bual terdiri daripada pelajar tahfiz TMUA KPM dan MRSM Ulul Albab yang berpengalaman dalam Majlis Hafazan al-Quran. Instrumen temu bual meliputi tiga elemen utama iaitu faktor kejayaan, strategi menyeimbangkan akademik dan pengulangan hafazan al-Quran dan cabaran yang dihadapi oleh pelajar tahfiz arus perdana dalam Majlis Hafazan al-Quran. Setiap sesi temu bual telah dianalisis dan direkodkan secara tematik bagi mengenalpasti corak serta metode yang mempengaruhi kepada kejayaan mereka dalam Majlis Hafazan al-Quran.

Temu bual dalam kajian ini berfokuskan kepada aspek berikut:

1. Faktor dan motivasi yang mendorong untuk menyertai Majlis Hafazan al-Quran.
2. Strategi menyeimbangkan akademik dan pengulangan hafazan al-Quran.
3. Cabaran yang dihadapi dalam mendisiplinkan pengulangan hafazan al-Quran.

5.1 Latar Belakang dan Pencapaian Responden

Responden kajian ini merupakan pelajar TMUA dan MRSM Ulul Albab yang menyertai Majlis Hafazan al-Quran dalam tempoh menjalani pengajian hingga tahun mereka menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di salah sebuah sekolah tersebut. Para responden mestilah mendapat tempat sama ada Johan, Naib Johan atau Tempat Ketiga sekurang-kurangnya di peringkat Negeri yang dianjurkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Berikut merupakan senarai responden yang terlibat dalam kajian ini:

Bil.	Pelajar	Tingkatan/Sekolah	Pencapaian/Peringkat
1.	Muhammad Asyraf bin Amir	SPM 2023 SMKA Maahad Muar	Tempat ketiga Hafazan 1-20 Juzuk Peringkat Kebangsaan Tahun 2023
2.	Muhammad Alif Haikal bin Rezal	SPM 2024 MRSM Gemencheh	Johan Hafazan 1-30 Juzuk Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2024
3.	Muhammad Fathi Safwan bin Eshak	SPM 2023 SMKA Kota Kinabalu	Tempat ketiga Hafazan 1-10 Juzuk Peringkat Negeri Sabah Tahun 2021,2022 dan 2023
4.	Mohammad Khayruddin Zakwan bin Jaimis	Pelajar Tingkatan 4 2025 SMKA Kota Kinabalu	Johan Hafazan 1-10 Juzuk Peringkat Kebangsaan Tahun 2025
5.	Afif Danish bin Afifi	Pelajar Tingkatan 4 2025 SMKA Maahad Muar Johor	Tempat ketiga Hafazan 1-10 Juzuk Peringkat Negeri Johor 2025
6.	Danish Farhan bin Abdul Razak	SPM 2023 MRSM Kepala Batas	Naib Johan Hafazan 1-10 Juzuk Peringkat Kebangsaan 2022

6.0 ANALISIS FAKTOR DAN MOTIVASI YANG MENDORONG UNTUK MENYERTAI MAJLIS HAFAZAN AL-QURAN

Kajian ini mendapati bahawa responden mempunyai faktor yang berbeza. Berikut merupakan dapatan kajian terhadap responden⁷:

6.1 Faktor Guru

Faktor guru *tasmik*⁸ yang memperkenalkan Majlis Hafazan al-Quran dan juga selaku pendorong untuk menyertainya buat kali pertama.⁹ Menurut responden, pengalaman kali pertama ini telah dapat menimba pelbagai ilmu alat dan kemahiran lain yang penting dalam usaha meningkatkan kualiti hafazan seperti ilmu *waqaf ibtida*¹⁰, sifat huruf dan *makharijul huruf*.¹¹

6.2 Menyertai Akademi al-Quran

Penyertaan dalam Akademi Tarannum Negeri Sembilan (AKTAR)¹² dapat memberikan peluang dalam mendalami ilmu-

⁷ Temu bual ini diadakan pada 26 Mac 2025 dan ia dijalankan secara lisan dan bertulis.

⁸ Menurut kamus *Mu'jam Al-Lughah Al-Arabiyyah Al-Mu'asirah* (2008): Menyampaikan sesuatu dengan hafalan. Hafalan di sini merujuk kepada hafalan al-Quran.

⁹ Responden Alif Haikal, 2025; Muhammad Asyraf, 2025; Mohammad Khayruddin, 2025; Afif Danish, 2025; Danish Farhan, 2025.

¹⁰ Menurut kitab *Fathu Rabbil Bariyyah Syarh al-Muqaddimah al-Jazariyyah* (2003): *Waqaf* dari segi istilah ialah Memutuskan bacaan pada satu huruf al-Qur'an dengan niat untuk menyambung bacaan semula dalam tempoh masa yang biasa seseorang mengambil nafas. Diharuskan berhenti di akhir-akhir ayat dan juga di pertengahannya. Adapun *ibtida'* bermaksud memulakan kembali bacaan selepas waqaf.

¹¹ Menurut kitab *Fathu Rabbil Bariyyah Syarh al-Muqaddimah al-Jazariyyah* (2003): *Makharijul huruf* dari segi istilah ialah tempat keluarnya huruf, di mana ia membezakannya daripada huruf-huruf yang lain.

¹² Sebuah Akademi al-Quran khusus untuk peserta Majlis Tilawah dan Hafazan yang berada di bawah seliaan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS).

ilmu al-Quran seperti Tajwid, sifat-sifat huruf dan *waqaf ibtida'*. Para peserta dapat mengasah kemahiran daripada jurulatih-jurulatih yang berpengalaman dalam bidang hafazan al-Quran serta mempelajari teknik-teknik bagi menghadapi majlis hafazan al-Quran.

6.3 Inspirasi daripada Rakan-rakan

Inspirasi yang diambil daripada kejayaan rakan-rakan yang menyertai musabqah hafazan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kejayaan mereka memberikan suntikan motivasi untuk berusaha menjadi seperti mereka yang berjaya dalam bidang ini.¹³

7.0 STRATEGI MENYEIMBANGKAN AKADEMIK DAN PENGULANGAN HAFAZAN AL-QURAN

Strategi yang teratur dan mantap amat penting dalam memastikan hafazan responden kekal berkualiti:

7.1 Penggunaan Masa yang Efektif

Empat daripada lima responden memanfaatkan masa yang diperuntukkan oleh pihak institusi bagi hafazan al-Quran seperti waktu kelas *tasmik* dan *tahdir*.¹⁴ Para responden memerlukan fokus yang begitu tinggi semasa waktu tersebut dan tidak melakukan perkara yang lain.¹⁵

Pengulangan hafazan pada waktu lapang adalah diutamakan. Setelah mencapai sasaran kuantiti ulangan hafazan

¹³ Responden Fathi Safwan, 2025; Afif Danish, 2025

¹⁴ Menurut kamus *Mu'jam Al-Lughah Al-Arabiyyah Al-Mu'asirah* (2008): Menyediakan sesuatu. Dalam konteks ini, ia bermaksud satu tempoh yang diperuntukkan oleh sesebuah institusi untuk para pelajar membuat persediaan bagi memperdengarkan hafazan mereka kepada guru.

¹⁵ Responden Alif Haikal, 2025; Muhammad Asyraf, 2025; Fathi Safwan, 2025; Afif Danish, 2025

harian, barulah masa lapang yang berbaki disusuli dengan aktiviti mengulangkaji pelajaran akademik.¹⁶

7.2 Penekanan Terhadap Fokus Hafazan al-Quran pada Peringkat Menengah Rendah

Pemberian tumpuan terhadap hafazan al-Quran dan pengulangannya pada peringkat menengah rendah, khususnya semasa Tingkatan 1 dan 2, dilihat sebagai strategi yang berkesan. Hal ini kerana pelajar pada peringkat menengah atas, iaitu Tingkatan 4 dan 5, mempunyai masa yang amat terhad akibat komitmen terhadap sukatan pelajaran dan persediaan menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).¹⁷

7.3 Pengorbanan Waktu Lapang dan Masa Rehat

Kebanyakan responden terpaksa mengorbankan waktu lapang yang tidak diperuntukkan oleh institusi, seperti waktu rehat antara kelas, rehat tengah hari, serta sedikit masa sebelum tidur. Pengorbanan ini dilakukan bagi memastikan sasaran pengulangan hafazan al-Quran harian dapat diselesaikan secara konsisten.¹⁸

8.0 CABARAN YANG DIHADAPI DALAM MENDISIPLINKAN PENGULANGAN HAFAZAN AL-QURAN

Semua responden mempunyai cabaran yang tersendiri dalam memastikan pengulangan hafazan al-Quran sentiasa berada dalam keadaan yang sistematik dan teratur.

¹⁶ Responden Danish Farhan, 2025

¹⁷ Responden Muhammad Asyraf, 2025

¹⁸ Responden Muhammad Asyraf, 2025; Fathi Safwan, 2025

8.1 Hilangnya Motivasi

Motivasi kerap hilang apabila tamatnya musim majlis hafazan al-Quran. Ketika itu seakan-akan hilang titik tujuan dalam pengulangan hafazan al-Quran.¹⁹

8.2 Dilanda Penyakit *Futur*

Ada kalanya segelintir responden menghadapi *futur*²⁰, iaitu kehilangan semangat untuk mengulang hafazan. Perkara ini menjadi lebih mencabar apabila mereka berhadapan dengan ayat-ayat *mutasyabihat*²¹ yang sukar untuk diingati dan difahami.²²

8.3 Gangguan Gajet

Gangguan gajet masa kini seperti telefon pintar, media sosial dan permainan dalam talian merupakan antara cabaran yang besar. Pada asalnya pengguna hanya ingin menghiburkan diri dan melepaskan tekanan, namun lama-kelamaan penggunaan yang melebihi kadar sepatutnya menjadi penghalang kepada hafazan.²³

8.4 Kemerosotan Semangat Pasca Khatam Hafazan dalam Tempoh Singkat

Kesukaran untuk membina semula motivasi serta suasana yang kondusif bagi mengulang hafazan al-Quran lazimnya berlaku selepas pelajar mengkhataamkan hafazan dalam tempoh yang singkat, khususnya seawal Tingkatan 2. Fenomena ini menunjukkan bahawa semangat untuk mengulang hafazan dalam

¹⁹ Responden Alif Haikal, 2025

²⁰ Menurut kamus *Mu'jam Al-Lughah Al-Arabiyyah Al-Mu'asirah* (2008): Keazaman yang reda setelah bersemangat dan aktif.

²¹ Menurut kamus *Al-Mu'jam Al-Wasit* (2004): Dua benda itu saling menyerupai;

setiap satu menyerupai yang lain sehingga kedua-duanya sukar dibezakan.

²² Alif Haikal, 2025; Fathi Safwan, 2025

²³ Responden Alif Haikal, 2025

kalangan pelajar cenderung untuk muncul hanya ketika musim peperiksaan, dan bukannya berterusan secara konsisten.²⁴

8.5 Tekanan Mental dan Emosi

Tekanan mental dan emosi juga antara cabaran yang hebat dalam memastikan akademik dan hafazan al-Quran seimbang dan cemerlang tanpa mengabaikan salah satu daripada kedua-duanya.²⁵

8.6 Pengekalan Momentum dalam Pengulangan Hafazan

Konsistensi dalam menjaga kuantiti pengulangan hafazan harian merupakan cabaran yang dihadapi oleh kebanyakan huffaz. Bagi pelajar tahfiz arus perdana, kesibukan dengan kelas tambahan dan aktiviti luar antara faktor yang menjadikan bilangan kuantiti halaman dan juzuk yang perlu diulang dalam satu hari menjadi berkurang dan tersasar daripada sasaran asal.²⁶

9.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini telah berjaya mencapai objektif yang telah ditetapkan. Kajian ini mendapati bahawa faktor guru, penyertaan dalam akademi al-Quran, dan inspirasi daripada rakan-rakan yang menyertai majlis hafazan al-Quran memainkan peranan penting dalam mendorong pelajar menyertai pertandingan. Pelajar yang berjaya dalam bidang ini menunjukkan pengurusan masa yang efektif, disiplin yang tinggi dan sanggup mengorbankan waktu lapang demi mencapai sasaran pengulangan hafazan.

Walau bagaimanapun, mereka juga menghadapi beberapa cabaran yang agak serius seperti kehilangan motivasi, *futur*, gangguan gajet, penurunan semangat selepas mereka

²⁴ Responden Muhammad Asyraf, 2025

²⁵ Responden Afif Danish, 2025

²⁶ Responden Danish Farhan, 2025

mengkhatamkan hafazan al-Quran 30 juzuk, tekanan mental dan emosi serta pengekalan momentum dalam pengulangan hafazan. Oleh itu, sokongan yang berterusan daripada institusi pendidikan, guru tasmik, dan rakan-rakan adalah sangat penting untuk membantu pelajar mengekalkan motivasi dan disiplin mereka dalam pengulangan hafazan al-Quran.

RUJUKAN

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2016), Sambutan Jubli Emas Darul Quran

Dr. Ahmad Mokhtar Omar. (2008), *Mu'jam al-Lughah al-Arabiyyah al-Mu'asirah*, Kaherah: Alamal Kutub.

Majma' al-Lughah al-Arabiyyah. (2004), *al-Mu'jam al-Wasit*, Kaherah: Maktabah Al-Syuruq Al-Dawliyyah.

Safwat Mahmud Salim. (2003), *Fathu Rabbil Bariyyah Syarh al-Muqaddimah al-Jazariyyah*, Jeddah: Dar Nur al-Maktabat

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Sejarah Pertandingan MTHQK, <https://mthqk.islam.gov.my/sejarah>

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 19 Orang Pelajar DQ Sertai Ihtifal IPT Peringkat Kebangsaan Anjuran UNITEN,
<https://www.islam.gov.my/en/berita/4019-19-orang-pelajar-dq-sertai-ihitfal-ipt-peringkat-kebangsaan-anjuran-uniten,7>
Disember 2023

Management & Science University, MSU Quranic League 024,
<https://www.msu.edu.my/MSUexps/April2024>
Quranic-League-by-Centre-for-Fundamental-Studies

Yayasan Pendidikan ITQAN, Pertandingan al-Quran,
<https://itqanalquran.org/ms/quranic-contests>

Muhammad Asyraf bin Amir (SPM 2023 SMKA Maahad Muar) – Tempat ketiga Hafazan 1-20 Juzuk Kebangsaan 2023.

Muhammad Alif Haikal bin Rezal (SPM 2024 MRSM

Gemenchah) – Johan Hafazan 1-30 Juzuk Negeri Sembilan 2024.

Muhammad Fathi Safwan bin Eshak (SPM 2023 SMKA Kota Kinabalu) – Tempat ketiga Hafazan 1-10 Juzuk Negeri Sabah 2021,2022,2023.

Mohammad Khayruddin Zakwan bin Jaimis (Pelajar Tingkatan 4 2025 SMKA Kota Kinabalu) – Johan Hafazan 1-10 Juzuk Kebangsaan 2025.

Afif Danish bin Afifi (Pelajar Tingkatan 4 2025 SMKA Maahad Muar Johor) – Tempat ketiga Hafazan 1-10 Juzuk Negeri Johor 2025.

Danish Farhan bin Abdul Razak (SPM 2023 MRSM Kepala Batas) – Naib Johan Hafazan 1-10 Juzuk Kebangsaan 2022.